

Program sarjana UMS turut tarik pelajar asing negara membangun

UB 15.4.2014 B5

Oleh HENRY BATING

PUSAT Luar Universiti Malaysia Sabah (PLUMS) menawarkan pelbagai bidang dalam program peringkat pengajian sarjana secara kerja kursus sepenuh masa untuk memenuhi visi institusi itu sebagai pusat pendidikan sepanjang hayat di samping memenuhi permintaan ramai yang berminat menyambung pengajian ke peringkat ijazah tinggi.

Pengarah PLUMS yang baru dilantik Prof Madya Dr Mohd Yusof Abdullah berkata, pihaknya juga sedang berusaha meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa dari negara-negara membangun di seluruh dunia untuk mengikuti program

pengajian yang ditawarkan.

“Pengambilan pelajar dari seluruh dunia dapat memberi peluang kepada pelajar dalam negeri untuk bergaul dengan masyarakat dunia di samping membuka peluang menguasai bahasa asing,” katanya.

Beliau berkata, PLUMS memperhebatkan usaha membuka peluang seluas-luasnya kepada bakal pelajar yang mengikuti program pengajian di UMS khususnya di kalangan mereka yang sedang bekerja di Sabah mahupun di negeri-negeri lain di Malaysia.

Yusof menegaskan kesemua kursus yang ditawarkan adalah memenuhi



YUSOF

keperluan majikan dan industri untuk melengkapkan para pelajar dengan pengetahuan yang lebih mendalam, teknik dan kemahiran terkini dalam bidang-bidang yang ditawarkan.

Menurutnya, UMS sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang berpusat di Sabah memiliki kelebihan dari aspek pengurusan kos pengajian yang minimum di samping ijazah sarjana yang diiktiraf oleh kerajaan.

Sebagai tambahan katanya, program-program peringkat sarjana yang ditawarkan adalah setanding dengan apa yang ditawarkan di IPTA lain di Malaysia dalam aspek tenaga akademik yang berkelayakan sekurang-

kurangnya Doktor Falsafah (Ph.D), bilangan jam tutorial yang mematuhi ketetapan Malaysian Qualification Accreditation (MQA), ruang perkuliahan yang kondusif, bimbingan berterusan, kemudahan perpustakaan dan ICT yang memuaskan serta menitik-beratkan kepentingan pembelajaran tatap muka antara tenaga pengajar dan pelajar.

Terdapat 10 program pengajian secara separuh masa untuk ambilan September 2014/ 2015 di mana proses permohonan sedang dibuka sehingga 30 Jun 2014. Pengajian dijalankan pada setiap hujung minggu dan rata-rata program pengajian dapat diselesaikan dalam tempoh 18 bulan.

Sekolah-sekolah yang menawarkan program-program pengajian sarjana secara kerja kursus ialah Sekolah Perniagaan

dan Ekonomi (SPE), Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) serta Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS).

SPE menawarkan bidang pengajian Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Sarjana Ekonomi dan Sarjana Pengurusan Modal Manusia. SPKS menawarkan bidang Sarjana Psikologi Kaunseling, manakala SPPS menawarkan bidang Sarjana Pendidikan dengan pengkhususan dalam Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL), Pendidikan Sains, Komputer dalam Pendidikan, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Pengurusan dalam Pendidikan serta Kurikulum dan Pengajaran.

Yusof berkata, bekerja sambil belajar bukanlah satu perkara yang mudah kerana melibatkan pengurusan

masa bekerja, masa untuk keluarga serta penggunaan sumber kewangan.

“Cabarannya sangat besar kepada bakal pelajar yang sedang bekerja, namun dengan bimbingan yang mencukupi cabaran ini tentu sekali dapat diatasi. Pelajar harus tahu bagaimana untuk membahagikan masa untuk bekerja, belajar dan masa untuk bersama keluarga. Pembahagian masa haruslah diatur dengan bijak di mana pelajar tahu bagaimana membezakan yang mana harus diberi keutamaan dahulu,” katanya.

Beliau yakin kesungguhan dan komitmen yang tinggi amat diperlukan oleh bakal pelajar untuk meneruskan pengajian program pascasiswazah di mana apa sahaja yang akan dilakukan memerlukan dua aspek itu, jika tidak, harapan akan tinggal harapan dan tidak akan membuahkan sebarang hasil.

Menjawab persoalan yang sering ditanya mengenai latar belakang tenaga pengajar program PLUMS, Yusof menjelaskan kalangan ahli akademik itu terdiri daripada pensyarah kanan Universiti Malaysia Sabah (UMS), profesor madya dan profesor yang cukup berpengalaman dan berpengalaman dalam bidang masing-masing.

Malah katanya, ada di antara ahli akademik itu menyumbang kepakaran masing-masing sebagai perunding kepada badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan tertentu yang bakal memberikan impak besar kepada proses pembelajaran bakal pelajar program sarjana.

“Seperkara lagi, PLUMS memiliki keazaman dan harapan yang cukup tinggi untuk merealisasikan konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat kepada pihak yang prihatin tentang kepentingan konsep itu serta dengan sedaya upaya berusaha menyediakan kemudahan yang mencukupi pada kadar yang terbaik untuk dimanfaatkan oleh pelajar,” katanya.

Program pengajian separuh masa pada waktu malam dan hujung minggu bagi program pengajian peringkat ijazah sarjana muda turut ditawarkan. Anataranya Pengurusan Kewangan dan Perbankan, Pemasaran, Ekonomi Sumber Manusia dan Ekonomi Perancangan Wilayah, Komunikasi dan Sejarah, Kejuruteraan Perisian, Pemasaran Antarabangsa dan Kewangan Islam.

Program pengajian dijalankan di kampus utama Kota Kinabalu, kampus antarabangsa Labuan dan kampus cawangan Sandakan serta Tawau.

Keterangan lanjut dan proses permohonan peringkat sarjana boleh dibuat menerusi atas talian “online” di alamat <https://smpp.ums.edu.my/application/> manakala permohonan untuk program Ijazah Sarjana Muda perlu menggunakan borang yang disediakan oleh pihak PLUMS yang boleh dimuat turun di <http://plums.ums.edu.my/>.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan melalui emel marketing@umslink.com.my atau talian 088-320375/ 088-448 341.



PELAJAR mengikuti tutorial.